

Arahan : Setiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan. Bagi setiap soalan, pilih jawapan yang tepat atau yang paling sesuai.

1. Pernyataan manakah yang berkaitan dengan tujuan perniagaan kepada peniaga?
 - A Mewujudkan faedah kepada pihak pengguna
 - B Mengagihkan barang daripada pengeluar kepada pengguna
 - C Menjual barang dan perkhidmatan untuk mendapatkan keuntungan
 - D Melakukan pengeluaran barang dan perkhidmatan untuk memenuhi keperluan

2. Apakah itu milikan tunggal?
 - I Perniagaan yang dikawal oleh seorang individu
 - II Perniagaan yang ditubuhkan oleh seorang individu
 - III Perniagaan yang ditubuhkan oleh seorang individu tetapi dikawal oleh beberapa orang
 - IV Perniagaan yang ditubuhkan oleh beberapa orang tetapi dikawal oleh seorang individu
 - A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV

3. Pihak manakah yang terlibat dalam sektor primer?
 - A Encik John ialah peniaga runcit
 - B Puan Rima ialah pemilik kilang roti
 - C Encik Sam ialah penoreh getah
 - D Encik John menyediakan perkhidmatan pengangkutan

4. Aktiviti perniagaan antarabangsa dijalankan ...
 - A Antara penduduk luar negara
 - B Antara satu negara dengan negara yang lain
 - C Antara penduduk dalam negara
 - D Dalam sempadan sesebuah negara

5. Agensi kerajaan manakah yang terlibat dalam pemberian bantuan kewangan kepada para peniaga?
- A MARA
 - B MARDI
 - C FELDA
 - D SIRIM

6. Maklumat yang berikut berkaitan dengan satu faktor luaran yang mempengaruhi perniagaan.

Kerajaan telah memperkenalkan cukai jualan dan perkhidmatan SST pada 1 September 2018

Apakah faktor luaran yang berkaitan?

- A Politik dan perundangan
 - B Ekonomi
 - C Sosiobudaya
 - D Teknologi
7. Maklumat di bawah ini menunjukkan pihak berkuasa tempatan (PBT).
- Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
 - Majlis Perbandaran Kuantan
 - Majlis Daerah Machang

Antara yang berikut, manakah yang merupakan bidang kuasa pihak pihak di atas?

- I Menggubal undang undang kecil berkaitan perniagaan
 - II Mendaftar dan mengawal selia semua pemaju perumahan tempatan
 - III Merangka dan melaksanakan dasar dasar pembangunan setempat
 - IV Menguatkuasa semua undang undang jalan raya di sesuatu kawasan
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV

8. Trend menurun dalam persekitaran perniagaan menunjukkan aktiviti perniagaan semakin menurun.

Faktor luaran manakah yang membawa kepada keadaan demikian?

- A Pekerja kurang bermotivasi
- B Keadaan ekonomi semakin lembab
- C Strategi pemasaran yang kurang berkesan
- D Kos pengeluaran semakin meningkat

9. Antara yang berikut, manakah yang merupakan kesan perubahan dari aspek pasaran?

- I Pembangunan dalam teknologi
 - II Kadar pengangguran berkurang
 - III Memperkukuhkan pertumbuhan ekonomi
 - IV Perubahan fesyen dan gaya hidup pengguna
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

10. Pilih pernyataan yang berkaitan dengan konsep visi

- A Ditetapkan oleh pihak pengurusan bawahan
- B Satu pernyataan tentang tujuan kewujudan organisasi
- C Visi seharusnya dapat dicapai dalam masa kurang daripada lima tahun
- D Objektif perlu ditetapkan terlebih dahulu sebelum visi organisasi

11. Maklumat di bawah ini menunjukkan beberapa persoalan yang diajukan semasa membuat perancangan strategik

- Apakah perniagaan yang sedang dijalankan?
- Siapakah pelanggan perniagaan tersebut?
- Apakah jenis perniagaan yang ingin dijalankan pada masa akan datang?

Apakah konsep perancangan strategik berkenaan?

- A Visi
- B Misi
- C Objektif
- D Strategi

12. *Syarikat Encik Tony Teh akan mengeluarkan sebanyak 100 000 unit kereta penumpang dan sebanyak 50 000 unit motosikal kuasa tinggi pada tahun hadapan.*

Apakah ciri objektif yang baik yang dipenuhi oleh Encik Tony Teh?

- A Boleh diukur (*Measurable*)
- B Munasabah (*Realistic*)
- C Boleh dicapai (*Attainable*)
- D Jangka masa (*Time frame*)


13. Apakah tujuan utama penjual mengadakan promosi jualan?

- A Untuk meningkatkan jualan
- B Untuk menguasai syer pasaran
- C Untuk mengatasi para pesaing
- D Untuk mewujudkan kesetiaan jenama

14. Manakah yang merupakan faktor dalaman organisasi yang boleh mempengaruhi pencapaian visi, misi dan objektif organisasi?

- A Politik
- B Ekonomi
- C Undang undang
- D Sumber manusia

15. Antara yang berikut, manakah yang benar tentang struktur organisasi?
- I Merupakan komponen utama perancangan strategik
 - II Dapat digambarkan melalui carta organisasi
 - III Merujuk kepada visi dan misi sesebuah organisasi
 - IV Membantu ahli organisasi mengetahui tanggungjawab masing masing
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV
16. Rajah di bawah ini menunjukkan peranan salah satu bahagian fungsian.



Apakah X ?

- A Peranan bahagian pentadbiran
 - B Peranan penyelidikan dan pembangunan (R&D)
 - C Peranan pengurusan sumber manusia
 - D Peranan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT)
17. Bagaimanakah penggunaan teknologi maklumat membantu peniaga?
- A Peniaga dapat memproses data jualan dengan segera
 - B Peniaga boleh melakukan aktiviti kewangan dengan lebih berkesan
 - C Perniagaan boleh dijalankan dengan cekap dan berkesan untuk mencapai matlamat
 - D Peniaga boleh berhubung dengan pembekal dan pelanggan dengan serta merta.

18. Apakah peranan katalog dalam sesuatu proses aliran barang dan perkhidmatan
- A Membolehkan penjual menerima pesanan belian daripada pengguna
 - B Membolehkan penjual memujuk pengguna membuat keputusan pembelian
 - C Membolehkan pembekal bahan mentah menuntut bayaran daripada pengeluar
 - D Membolehkan pengguna mengetahui maklumat barang yang ditawarkan penjual
19. Bagaimanakah interaksi dengan pihak bank membantu perniagaan mengatasi masalah operasi pengeluaran?
- A Mengatasi masalah kekurangan modal kerja
 - B Memudahkan urusan pembayaran perniagaan
 - C Memudahkan penyimpanan wang dengan selamat
 - D Memudahkan perniagaan melakukan pembayaran gaji
20. Pilih pernyataan yang tepat tentang maksud pengurusan sumber manusia
- A Satu usaha mengenalpasti dan mengambil pekerja baharu dalam organisasi
 - B Merujuk kepada pendekatan dan cara mengurus pekerja organisasi secara cekap
 - C Aktiviti melatih pekerja baharu untuk mencapai matlamat jangka panjang organisasi
 - D Satu usaha pembangunan tenaga kerja strategik untuk mencapai matlamat organisasi
21. Salah satu peranan sumber manusia ialah memantapkan budaya profesional. Bagaimanakah pemantapan budaya profesional dapat membantu organisasi?
- I Dapat meningkatkan imej organisasi
 - II Dapat meningkatkan jualan perniagaan
 - III Dapat menggalakkan kreativiti dan inovasi
 - IV Pekerja dapat menjalankan tugas dengan cekap
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

22. Antara yang berikut, kesalahan manakah yang dilakukan oleh kakitangan yang boleh disiasat dan diambil tindakan oleh organisasi?
- I Ingkar arahan penyelia
 - II Merompak orang awam
 - III Menyalahgunakan aset syarikat
 - IV Menerima rasuah daripada pembekal
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV
23. Encik Ahmad lewat datang kerja sebanyak dua kali. Apakah tindakan yang patut diambil oleh majikan?
- A Dipecat
 - B Amaran bertulis
 - C Ditahan kenaikan gaji
 - D Tiada kenaikan pangkat
24. Maklumat di bawah ini berkaitan dengan Puan Azmatun seorang akauntan bertauliah.
- *Pernah bekerja sebagai pegawai kewangan di sebuah syarikat cari gali minyak antarabangsa selama 10 tahun*
 - *Sekarang ingin menjadi jururunding pelaburan dalam syarikat minyak dan gas*
- Apakah keperluan kemahiran kebolehterapan yang ada pada Puan Azmatun?
- I Keberkesanan mencapai sasaran kumpulan
 - II Berpengetahuan tentang produk
 - III Berpengalaman dalam industri
 - IV Kelayakan yang sesuai
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV


25. Manakah yang merupakan sumber fizikal sebuah syarikat pengiklanan
- A Pekerja mahir
 - B Bahan mentah
 - C Kilang dan mesin
 - D Bangunan dan kemudahan
26. Antara yang berikut, pernyataan manakah yang merupakan tujuan mengurus sumber fizikal perniagaan?
- I Memastikan pekerja sentiasa cekap dan mahir
 - II Memastikan semua mesin dalam keadaan baik
 - III Memastikan stok bahan mentah sentiasa mencukupi
 - IV Memastikan reka cipta produk tidak ditiru oleh orang lain
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan III
 - D III dan IV
27. Antara yang berikut, manakah yang merupakan jenis sumber teknologi perniagaan?
- I Lesen perisian
 - II Peralatan kilang
 - III Kemahiran dan pengalaman
 - IV Peralatan teknologi maklumat dan komunikasi
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan III
 - D II dan IV

28. Pernyataan manakah yang merujuk kepada pengurusan sumber teknologi bagi sesebuah syarikat telefon pintar?
- A Kilang dan mesin yang canggih
 - B Jenis dan model telefon yang pelbagai
 - C Mendaftar paten reka bentuk baharu telefon
 - D Bangunan dan kemudahan yang serba lengkap
29. Antara yang berikut, manakah yang merupakan modal perniagaan sebuah agensi pengiklanan?
- I Wang tunai
 - II Pereka grafik
 - III Kenderaan pemilik
 - IV Peralatan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT)
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
30. Manakah sumber pembiayaan luaran bagi sebuah pasaraya yang ditubuhkan sebagai perniagaan perkongsian?
- I Syer
 - II Pemfaktoran
 - III Overdraf bank
 - IV Modal daripada keuntungan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

31. Maklumat di bawah ini berkaitan dengan sejenis sumber pembiayaan luaran.
Puan Manisah ingin memulakan perniagaan butik. Memandangkan beliau memerlukan modal permulaan sebanyak RM50 000 dengan kadar segera, Puan Manisah menjadikan barang kemas miliknya sebagai cagaran untuk mendapatkan pinjaman melalui Skim Pajak Gadai-i, Bank Rakyat.

Apakah sumber pembiayaan berkenaan?

- A Pajakan
 - B Sewa beli
 - C Ar Rahn
 - D Pemfaktoran
32. Apakah kelemahan sumber pembiayaan dalaman kepada usahawan?
- A Tertakluk kepada terma dan syarat
 - B Memerlukan penjamin dan cagaran
 - C Menghadapi kos seperti faedah atas pinjaman
 - D Sukar menambah modal dalam masa yang singkat
33. Rajah di bawah berkaitan dengan prosedur am bagi mendapatkan sumber pembiayaan.



Bagaimanakah langkah X dapat membantu usahawan yang memohon pembiayaan?

- A Mematuhi segala syarat yang ditetapkan oleh pembiaya
- B Dapat meyakinkan pihak pembiaya, daya maju perniagaan
- C Boleh mengetahui jenis perniagaan yang hendak dimulakan
- D Boleh membuat keputusan tentang jenis dan jumlah pembiayaan

34. Maklumat di bawah ini berkaitan dengan Puan Diana, pemilik Kedai Bunga Diana
- Hasil harian : RM 200 – RM 250*
- Sewa bulanan : RM 1 500*
- Gaji pembantu : RM 1 000 sebulan*
- Modal tambahan yang diperlukan untuk mengembangkan perniagaan : RM 30 000*
- Puan Diana mengambil keputusan untuk membuat permohonan kepada TEKUN Nasional untuk keperluan modal tambahan.*
- Mengapakah Puan Diana mengambil keputusan untuk membuat permohonan kepada TEKUN Nasional dan bukan dengan bank dan institusi kewangan?
- I Kos pinjaman lebih murah
 - II Jumlah pinjaman tidak terhad
 - III Beliau tidak mempunyai cagaran bernilai
 - IV Pinjaman tidak tertakluk kepada terma dan syarat
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV
35. Maklumat di bawah ini berkaitan dengan salah satu butiran kos dalam penyata pendapatan.
- Perbezaan antara jumlah belian dan pulangan jualan*
- Apakah butiran kos berkenaan?
- A Kos jualan
 - B Kos belian
 - C Belian bersih
 - D Kos barang untuk dijual
36. Pihak berkepentingan manakah yang memerlukan penyata kewangan untuk membuat keputusan memberikan kemudahan kredit dagangan kepada perniagaan?
- A Pemilik
 - B Pelabur
 - C Pembekal
 - D Pembiaya

37. Antara yang berikut, kemahiran manakah yang dapat membangunkan karakter diri seseorang usahawan?
- I Kemahiran berfikir
 - II Kemahiran manipulatif
 - III Kemahiran berkomunikasi
 - IV Kemahiran membuat keputusan
- A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV
38. Antara yang berikut, manakah keberuntungan perniagaan kepada seseorang usahawan?
- I Meluaskan pasaran
 - II Memantapkan imej perniagaan
 - III Melaksanakan tanggungjawab sosial
 - IV Memberi kebebasan untuk mengurus perniagaan
- A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV
39. Antara yang berikut, manakah prosedur pendaftaran perniagaan milikan tunggal?
- I Perlantikan setiausaha syarikat
 - II Permohonan pemerbadanan syarikat
 - III Mendapat kelulusan nama perniagaan
 - IV Mengisi Borang Pendaftaran Perniagaan
- A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

40. Antara yang berikut, manakah yang perlu dipatuhi oleh seseorang usahawan yang telah mendaftarkan perniagaannya?
- I Mengikuti kursus pengurusan kewangan
 - II Mempamerkan sijil perakuan pendaftaran perniagaan
 - III Mendaftarkan perubahan maklumat perniagaan dalam tempoh tujuh hari
 - IV Menamatkan pendaftaran perniagaan dalam tempoh 30 hari dari tarikh penamatan perniagaan
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV

KERTAS SOALAN TAMAT

SKEMA JAWAPAN PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2020

MATAPELAJARAN : PERNIAGAAN KERTAS I
PENYEDIA SOALAN : PUAN KAMAAZILA BINTI MAT ISA
SEKOLAH : SMJK KATHOLIK TANJONG MALIM

1		11		21		31	
2		12		22		32	
3		13		23		33	
4		14		24		34	
5		15		25		35	
6		16		26		36	
7		17		27		37	
8		18		28		38	
9		19		29		39	
10		20		30		40	